



KERAJAAN MALAYSIA

**Peruntukan Khas Kerajaan Kepada Kelab
Kebajikan Dan Sukan Peringkat Kementerian/
Jabatan Untuk Melaksanakan Aktiviti Sosial,
Kebajikan Dan Sukan**

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

AKTIVITI SOSIAL.....	2
WP 8.1 Peruntukan Khas Kerajaan Kepada Kelab Kebajikan Dan Sukan Peringkat Kementerian/Jabatan Untuk Melaksanakan Aktiviti Sosial, Kebajikan Dan Sukan.....	2
1. Tujuan.....	2
2. Latar Belakang.....	2
3. Peraturan.....	2

AKTIVITI SOSIAL

WP 8.1 Peruntukan Khas Kerajaan Kepada Kelab Kebajikan Dan Sukan Peringkat Kementerian/Jabatan Untuk Melaksanakan Aktiviti Sosial, Kebajikan Dan Sukan

1. Tujuan

- 1.1 Tujuan Pekeliling ini adalah untuk menetapkan peraturan dan kadar baru peruntukan khas Kerajaan bagi melaksanakan aktiviti sosial, kebajikan dan sukan di agensi Kerajaan.

2. Latar Belakang

- 2.1 Pada masa ini Kerajaan memberi sumbangan sebanyak RM1.00 seorang ahli setahun kepada Kelab Kebajikan dan Sukan bagi membiayai perbelanjaan aktiviti sosial, kebajikan dan sukan di agensi Kerajaan. Bagi mengelakkan kelab mendapatkan sumbangan atau tajaan dari sektor swasta, Kerajaan bersetuju untuk menyediakan peruntukan khas tertakluk kepada kadar dan syarat yang ditetapkan seperti di bawah.

3. Peraturan

- 3.1 Kelab Kebajikan dan Sukan yang layak menerima peruntukan khas Kerajaan adalah kelab yang ditubuhkan di peringkat Kementerian dan Jabatan untuk melaksanakan aktiviti sosial, sukan dan kebajikan bagi ahlinya. Kelab Kebajikan dan Sukan ini hendaklah berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.
- 3.2 Kadar dan syarat pengeluaran peruntukan khas adalah seperti berikut:

3.2.1 Sumbangan Asas

Sumbangan asas sebanyak RM10 seorang ahli setahun.

3.2.2 *Matching Grant*

Matching Grant bagi setiap ringgit yuran bulanan yang dibayar oleh ahli maksimum RM20 setiap ahli setahun.

3.2.3 Syarat

- (a) Kelab Kebajikan dan Sukan telah berdaftar dan ahli membayar yuran; dan

- (b) bagi anggota yang menjadi ahli lebih daripada satu kelab, sumbangan hanya layak diberikan bagi satu keahlian kelab sahaja.

3.2.4 **Kaedah Tuntutan**

- (a) bagi sumbangan asas bayaran akan dibuat pada awal tahun kepada semua kelab berasaskan jumlah ahli dari peruntukan Kementerian; dan
- (b) *matching grant* akan diberi berdasarkan bukti bayaran seperti dalam akaun kewangan kelab yang telah diaudit.

Kementerian boleh mengikut budi bicara Pegawai Pengawal memperuntukkan tidak lebih daripada 20% sumbangan ini kepada PUSPANITA, BAKAT, PERKEP dan PERWAKILAN.

- 3.3 Semua permohonan hendaklah diselaras oleh Kementerian. Peruntukan hendaklah disediakan melalui belanjawan tahunan.
- 3.4 Dengan sumbangan yang disediakan oleh Kerajaan, kelab tidak seharusnya meminta sumbangan atau tajaan dari sektor swasta.



KERAJAAN MALAYSIA

**Skim Pembiayaan Keahlian Kelab Rekreasi Dan
Sukan Bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi Serta
Kumpulan Pengurusan Dan Profesional**

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

AKTIVITI SOSIAL.....	2
WP 8.2 Skim Pembiayaan Keahlian Kelab Rekreasi Dan Sukan Bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi Serta Kumpulan Pengurusan Dan Profesional.....	2
1. Tujuan.....	2
2. Latar Belakang.....	2
3. Peraturan.....	2
4. Kuasa Meluluskan	3
5. Borang Permohonan	3
LAMPIRAN	4

AKTIVITI SOSIAL

WP 8.2 Skim Pembiayaan Keahlian Kelab Rekreasi Dan Sukan Bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi Serta Kumpulan Pengurusan Dan Profesional

1. Tujuan

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk meminda dan menetapkan peraturan dan syarat-syarat mengenai Skim Pembiayaan Keahlian Kelab Rekreasi dan Sukan bagi pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

2. Latar Belakang

- 2.1 Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional diberi kemudahan Skim Pembiayaan Keahlian Kelab Rekreasi dan Sukan bertujuan untuk meningkatkan interaksi pegawai-pegawai berkenaan dengan rakan sejawat mereka di sektor swasta selaras dengan hasrat Persyarikatan Malaysia.

3. Peraturan

- 3.1 Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang tugasnya memerlukan interaksi dengan rakan sejawat di sektor swasta dibenarkan membuat tuntutan bagi bantuan bayaran/yuran masuk menjadi ahli sebuah kelab rekreasi dan sukan tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:
 - 3.1.1 tuntutan yang dibenarkan hanyalah untuk bayaran/yuran masuk sahaja tertakluk kepada had maksimum RM4,000 dan selebihnya ditanggung sendiri oleh pegawai;
 - 3.1.2 bayaran/yuran masuk untuk keahlian individu sahaja;
 - 3.1.3 bayaran/yuran masuk keahlian bukan berbentuk saham;
 - 3.1.4 pegawai lantikan tetap di bawah Sistem Saraan Baru dan Sistem Saraan Malaysia;
 - 3.1.5 pegawai atau suami/isteri yang layak menerima kemudahan ini boleh membuat tuntutan yang berasingan;
 - 3.1.6 tuntutan kemudahan ini hendaklah disokong dengan resit pembayaran;

- 3.1.7 kemudahan ini diberi hanya sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan dengan Kerajaan;
 - 3.1.8 kelulusan bayaran kemudahan ini hendaklah direkodkan dalam Buku Kenyataan Perkhidmatan pegawai; dan
 - 3.1.9 keahlian tidak boleh dipindahmilik.
- 3.2 Kelab rekreasi dan sukan yang dibenarkan di bawah kemudahan ini hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:
- 3.2.1 kelab tersebut ditubuhkan secara sah di bawah Akta Syarikat 1965 (Akta 125) atau Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335) dan pindaan-pindaannya;
 - 3.2.2 keahlian kelab terbuka kepada umum terutamanya bagi pegawai Kerajaan dan eksekutif swasta;
 - 3.2.3 kelab menyediakan pelbagai kemudahan rekreasi dan sukan seperti golf, tenis, kolam renang, gimnasium, perpustakaan, rumah rehat, bilik teater dan sebagainya; dan
 - 3.2.4 kelab mempunyai premis untuk beroperasi.

4. Kuasa Meluluskan

- 4.1 Kuasa untuk meluluskan tuntutan kemudahan ini kepada pegawai-pegawai yang memenuhi semua peraturan dan syarat yang ditetapkan dalam pekeliling ini adalah diberi kepada Pegawai Pengawal.
- 4.2 Permohonan daripada Pegawai Pengawal hendaklah dikemukakan kepada YB Menteri masing-masing untuk pertimbangan dan kelulusan.
- 4.3 Dalam menimbangkan sesuatu permohonan, peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam pekeliling ini hendaklah dipatuhi di samping menimbangkan kepentingan pemohon menganggotai kelab rekreasi dan sukan yang bersesuaian dengan keperluan dan objektif organisasi.

5. Borang Permohonan

- 5.1 Permohonan hendaklah dikemukakan melalui borang seperti di [Lampiran A](#).

LAMPIRAN

BAHAGIAN II:(Diisi oleh Pegawai Yang Bertanggungjawab Di Bahagian/ Seksyen Pengurusan Sumber Manusia)

Kepada:

YB Menteri/Pegawai Pengawal

Disahkan bahawa butir-butir yang diberikan oleh pegawai telah diselidiki dan didapati benar.

- * (a) Pegawai ini belum pernah menerima sumbangan kewangan bagi bayaran/yuran masuk menjadi ahli kelab rekreasi dan sukan; dan
- * (b) Saya menyokong permohonan ini bagi tujuan meningkatkan interaksi pegawai dengan rakan-rakan sejawat di sektor swasta selaras dengan hasrat Persyarikatan Malaysia; atau
- * (c) Saya tidak menyokong permohonan ini kerana berpendapat pemohon tidak perlu menganggotai kelab rekreasi dan sukan buat masa ini.

Tarikh

Tandatangan Pegawai Yang Bertanggungjawab

Nama penuh/jawatan.....

BAHAGIAN III: (Diisi oleh YB Menteri/Pegawai Pengawal)

Kepada:.....

(Pegawai Yang bertanggungjawab)

- * (a) Sumbangan kewangan sebanyak RM4,000 kepada pemohon untuk bayaran/yuran masuk menjadi ahli kelab rekreasi dan sukan berkenaan diluluskan. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan WP 8.2. Sumbangan kewangan ini perlu direkodkan dalam buku Kenyataan Perkhidmatan pemohon.
- * (b) Sumbangan kewangan tidak diluluskan.
- (c) Sila maklumkan keputusan ini kepada pemohon.

Tarikh

Tandatangan Pegawai Yang Bertanggungjawab

Nama penuh/jawatan.....

Nota:

- 1 Pegawai Pengawal dikehendaki menyimpan satu daftar untuk merekodkan senarai nama pegawai yang diberi sumbangan kewangan bagi bayaran/yuran masuk menjadi ahli kelab rekreasi dan sukan.
- 2 Satu salinan borang permohonan adalah untuk fail pejabat dan satu lagi dikemukakan bersama-sama baucar pembayaran kepada Akauntan Negara.

* Potong yang mana tidak berkenaan

D. PERAKUAN

Saya mengaku bahawa:-

- (a) Butir-butir yang dinyatakan di atas adalah benar; dan
- (b) Saya belum pernah menuntut/menerima sumbangan daripada Kerajaan untuk bayaran/yuran masuk menjadi ahli kelab rekreasi dan sukan.

Tarikh
Tandatangan Pemohon

Nama



KERAJAAN MALAYSIA

Bayaran Yuran Masuk Kelab Golf Perkhidmatan Awam Malaysia (KGPA)

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

AKTIVITI SOSIAL	2
WP 8.3 Bayaran Yuran Masuk Kelab Golf Perkhidmatan Awam Malaysia (KGPA)	2

AKTIVITI SOSIAL

WP 8.3 Bayaran Yuran Masuk Kelab Golf Perkhidmatan Awam Malaysia (KGPA)

1. Perbendaharaan bersetuju memberi kelulusan khas kepada Kementerian/Jabatan untuk membayar yuran masuk secara terus kepada Kelab Golf Perkhidmatan Awam (KGPA), tertakluk kepada had maksimum RM4,000 bagi setiap pegawai yang diterima menjadi ahli kelab tersebut.
2. Pegawai yang diterima menjadi ahli KGPA hendaklah mengemukakan dokumen berkaitan kepada Kementerian/Jabatan masing-masing untuk mendapatkan kemudahan bayaran keahlian seperti yang dinyatakan di perenggan di atas.
3. Pegawai yang menyalahgunakan kemudahan ini boleh dikenakan tindakan tatatertib dan surcaj di bawah peraturan yang sedang berkuat kuasa.